

Gah!

TRADISI

Nak tolak atau terima?

PANDANGAN



TERDAPAT segolongan Muslim yang condong menolak apa jua tradisi, warisan, adat atau budaya yang tidak mempunyai anjuran tersurat daripada Al-Quran dan sunah, walaupun tiada larangan mengenainya.

Mereka hanya mahu menerima apa yang ada perintah daripada Al-Quran dan diakui sebagai sunah Nabi saw.

Selain itu, mereka anggap perkara itu hanya sesia-sia sahaja dan tidak bernilai.

Tradisi yang dinilai bercanggah dengan Al-Quran dan sunah pula terus ditolak atas dasar bidaah.

Ia tidak boleh atau perlu mengis-lamkannya kerana mereka berpendapat memadai bagi Muslim apa yang dianjurkan Al-Quran dan diakui sebagai sunah sahaja.

Bertambah tegar dan keras sikap ini jika tradisi itu datang daripada masyarakat bukan Muslim.

Mereka sentiasa bersikap skeptikal terhadap tradisi dan adat kerana tidak mahu jatuh dalam celaan Al-Quran terhadap golongan yang hanya mengikut tradisi datuk nenek mereka.

Berlatarbelakangkan sikap sebegini, artikel ini cuba memberi kefahaman pada pembaca sikap saksama dan sederhana terhadap warisan tradisi masa lalu dari sudut agama.

Sebelum itu, takrifan tradisi bagi tujuan artikel ini ialah sesuatu yang diwarisi dari masa lampau dari satu generasi ke satu generasi yang lain dalam bentuk kepercayaan, adat, objek, amalan dan lain-lain.

Pembacaan terhadap Al-Quran dan sejarah perjuangan Nabi saw mempunyai banyak petunjuk bahawa Islam bukanlah satu agama yang



MENGHADAPI ZAMAN MODEN: Zaman ini, terdapat banyak inovasi seperti penggunaan telefon bimbit. Dalam kita mengamalkan inovasi sebegini, adakah ia bermakna kita menolak tradisi? – Foto REUTERS.

secara tegar bersikap antitradiasi atau menganjur penolakan sepenuhnya terhadapnya.

Bahkan terdapat banyak petanda akan sikap terbuka Islam terhadap tradisi masyarakat.

PANDUAN ISLAM

Pertama, syariah Islam terakhir yang diajar oleh Nabi Muhammad saw terkandung bukan hanya tradisi yang diwarisi daripada syariah dahulu, bahkan juga mengakui dan menyerap tradisi masyarakat Arab yang diamalkan sebelum kenabian Muhammad saw, selama mana ia sesuai dengan prinsip-prinsip Islam.

Contoh syariah dahulu yang diteruskan ialah manasik haji, berkhataan dan korban yang diwarisi daripada syariah Nabi Ibrahim as dan hukum qisas daripada syariah Musa as.

Contoh adat Arab sebelum Islam pula ialah amalan mudarabah (pemodal memberi harta untuk pengusaha laburkan atau perniagakan lalu berkongsi keuntungan daripadanya), larangan berperang dalam bulan-bulan tertentu, bersyair, mengah-

winkan pohon kurma untuk dapatkan buah yang banyak dan amalan posisi seks dari belakang (bukan liwat).

Atas dasar ini jugalah para ulama bersepakat untuk merangka kaedah hukum yang berbunyi 'Al-Adah muhakkimah' yang bermaksud adat dan tradisi adalah sumber hukum yang sah.

Daripada kaedah ini, ulama Nusantara di rantau ini memperakui konsep harta sepencarian yang memberi hak kepada isteri berkongsi harta yang diperolehi oleh suami semasa tempoh perkahwinan padahal secara dasarnya konsep ini tidak terdapat dalam Al-Quran dan hadis atau dalam kitab-kitab fiqah lama tulisan ulama Arab kerana ia berasal daripada adat pepatih kaum Minang.

Begitu juga dengan amalan hantaran dan nikah gantung dalam masyarakat Melayu.

Ya, bukan semua adat boleh diakui sebagai hukum Islam kerana para ulama meletakkan syarat-syarat tertentu.

Namun kewujudan kaedah itu

dan penggunaannya yang meluas menunjukkan keterbukaan fiqah Islam terhadap tradisi masyarakat yang asalnya tiada sandaran daripada Al-Quran dan sunah nabi.

Kedua, pendekatan Islam terhadap tradisi yang terdapat percanggahan dengan prinsipnya bukanlah menolak sepenuhnya tradisi itu tanpa kompromi.

Islam mengharuskan usaha islamiisasi tradisi berkenaan dengan membuang aspek-aspek yang bercanggah dan mengekalkan apa yang baik daripadanya.

Contoh dalam hal ini ialah perakuan Islam pada amalan mengambil anak angkat di kalangan orang Arab tetapi melarang menasabkan anak itu kepada si bapa angkat (Al-Quran, 33:5) dan penerusan amalan poligami dengan pembatasan pada empat isteri sahaja (4:9).

Ketiga, Islam sebenarnya bersikap terbuka terhadap apa jua yang baik daripada mana sahaja.

Sikap ini jelas ditunjukkan dalam sabda Nabi saw: "Hikmah (ilmu) ibarat barang yang hilang daripada Muslim. Muslim lebih berhak memi-

likinya tanpa kira dari mana dia menemukannya."

Al-Quran juga menganjurkan Muslim supaya melihat kemungkinan ilmu itu datang dari mana sahaja kerana Allah Taala mengurniakan-nya kepada sesiapa sahaja yang Dia mahu (2:269).

Al-Quran juga berkata bahawa Muslim yang baik ialah yang mahu terima yang terbaik dari mana sahaja (39:17-8).

Keempat, keterbukaan Islam terhadap tradisi yang baik juga dapat dilihat daripada prinsip yang dipegang majoriti ulama dahulu iaitu hukum asal bagi segala perkara yang bukan ibadah ialah halal kecuali ada dalil yang mengharamkannya.

Bahkan ulama dahulu menganjurkan umat Islam supaya belajar ke negeri lain dan dari orang Cina yang majoritinya bukan beragama Islam.

Ini pastinya juga anjuran mengambil pelajaran daripada tradisi masyarakat berkenaan dan masyarakat bukan Muslim yang lain, selama mana tidak bercanggah dengan atau setelah pengubahsuaian ikut Islam.

Kelima, berdasarkan nota-nota di atas, boleh diujahkan bahawa ayat-ayat Al-Quran yang mencela orang Arab kerana mengikut tradisi datuk nenek mereka tidak menatijahkan hukum larangan yang mutlak (2:170, 5:104, 7:70, 23:34, 28:36).

Apabila diteliti konteks penurunan ayat berkenaan, ia merujuk kepada tradisi yang sememangnya bercanggah dengan syariah seperti akidah yang syirik kepada Allah, menyembah berhala, memberi korban pada berhala dan membunuh serta mendiskriminasi anak perempuan.

Ia juga merujuk kepada sikap taklid buta pada tradisi dan kegagalan untuk berfikir secara kritikal setelah hujah-hujah kebenaran disampaikan.

Namun Islam juga mengajar Muslim yang ingin melestarikan atau menyerap sesuatu tradisi agar bersikap kritikal.

Hal ini bermaksud memahami sejarah, hujah dan falsafah tradisi itu.

Lalu dinilai pula sama ada segala-galanya itu sesuai dengan prinsip dan ajaran agama atau lebih banyak manfaat daripada mudarat apabila diamalkan dalam konteks semasa.

Jika tidak, hendaklah ditinggalkan atau disesuaikan.

Ertinya, janganlah amal atau terima sesuatu sebagai tradisi atas dasar tradisi semata-mata, atau taklid buta pada orang ramai kerana ia membawa pada sifat taksub yang dicela agama.

Termasuk dalam berfikir kritikal ialah memahami bahawa kebanyakan tradisi yang ada adalah natiyah daripada pengalaman, idea dan ilmu manusia yang bukan bersifat kebenaran mutlak yang tidak boleh diubah dan dicabar.

Walaupun tiada dalil jelas mengharamkannya, tradisi yang terhasil daripada manusia pasti mempunyai masa lupalut dari segi kesesuaian dan manfaatnya.

Oleh itu, hendaklah terbuka pada perubahan, jika jelas didapati bahawa kesesuaian dan manfaat telah tiada atau berkurangan disebabkan perubahan masa atau kerana ada pilihan yang lebih baik.

KESIMPULAN

Islam bukan agama yang menganjurkan sifat antitradiasi.

Sebaliknya Islam anjurkan sifat terbuka pada tradisi yang baik dan tidak halang sesiapa mengamalkan atau mengekalkannya dalam masyarakat.

Islam tidak anjurkan Muslim supaya berpada hanya pada apa yang jelas disebut dalam Al-Quran dan sunah nabi sahaja dalam urusan bukan ibadah.

Islam juga tidak anjurkan Muslim hanya memberi keyakinan pada tradisi yang berasal daripada umat Islam sahaja dan bersifat prejudis terhadap yang bukan daripada mereka.

Apabila didapati sesuatu tradisi tidak sesuai dengan agama, janganlah terus buang dan tinggalkan kerana Islam tidak larang usaha islamisasi tradisi itu.

Namun para pencinta tradisi juga harus kritikal dan tidak taklid buta serta peka akan perubahan semasa yang menjejaskan keperluan pada kelangsungan sesuatu tradisi.

► Penulis adalah Zamil di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Beliau berkelulusan bidang syariah dan undang-undang (UKM) dan pengajian antarabangsa (NTU).